

Tahniah Tun M, sindir Mohamed Khaled

SINAR HARIAN

08 JANUARI 2018

WARTAWAN SINAR HARIAN

JOHOR BAHRU - BN Johor mengucapkan tahniah kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana berjaya merampas perjuangan pakatan pembangkang.

Secara sinis, Pengerusi BN Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (Harapan) sememangnya pandai dan cemerlang dalam berpolitik.

"Tahniah kerana dapat 'hijack'. Tahniah lah kerana dia pandai. Memang Tun Mahathir 'Politic Par Excellence'.

"Dia telah berjaya 'hijack' perjuangan pembangkang untuk dirinya," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan pembukaan Kedai Harga Patut imCoop Desa Mutiara di PPR Desa Mutiara di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai Konvensyen Harapan 2018 di Shah Alam, Selangor, semalam.

Mohamed Khaled berkata, dahulu pakatan pembangkang khususnya PKR wujud kerana mahu memperjuangkan Ketua Umum Harapan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, bagaimanapun, kehadiran Mahathir bersama dengan Harapan telah merampas perjuangan itu.

"Tun Mahathir tak boleh lari dia dulu Umno. 'So' dia telah dapat 'hijack'.

"Jadi sekarang Mahathir telah dapat 'top' itu. Dia 'hijack'," katanya.

Ditanya sama ada Mahathir akan menyerahkan jawatan perdana menteri kepada Anwar sekiranya Harapan berjaya mentadbir negara, beliau meragui proses tersebut.

"Awak boleh percaya dia ke?," katanya.

Mohamed Khaled juga enggan mengulas lanjut mengenai rasa tidak puas hati Amanah Johor terhadap pengagihan kerusi dalam pakatan pembangkang.

"Bukan saya yang bagi kerusi itu, tanya dioranglah (pembangkang)," katanya.

Pengerusi Umno Johor itu turut memberitahu BN merupakan gabungan parti yang memberi khidmat malah mempunyai perancangan jangka panjang untuk rakyat dan negara.

"Kita nak pastikan rakyat dapat beza antara persepsi dengan fakta.

"Terserahlah kepada rakyat untuk fikirkan masa depan dia," katanya.

Selain itu, Mohamed Khaled turut mengakui BN berdepan dengan pelbagai cabaran menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Tetapi seperti yang kita lihat, kita ada keyakinan kita. Kita dapat lihat bagaimana kita menterjemahkan program dan dasar kita.

"Kita boleh lihat keadaan ekonomi semakin baik. Kita dapat lihat ringgit pun makin kukuh dan sebagainya," katanya.

© 2017 All Rights Reserved •Karangkraf Group Media • © 2017 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karangkraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/politik/tahniah-tun-m-sindir-mohamed-khaled-1.780524>